



NOTIS DAN TATACARA PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR KE KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, SEMESTER KEDUA SESI AKADEMIK 2021/2022

1.0 PENDAHULUAN

Pada semester kedua sesi 2021/2022, semua pelajar Universiti Putra Malaysia telah dibenarkan kembali ke kampus. Selaras dengan ketetapan ini, semua gerak kerja dan persediaan bagi menerima ketibaan pelajar untuk pulang ke kampus sedang giat dilaksanakan. Bagi mencegah risiko penularan pandemik COVID-19 dalam kampus Universiti Putra Malaysia, pihak pengurusan kolej-kolej kediaman UPM telah mengambil keputusan bahawa semua proses dan prosedur berkaitan kemasukan dan pendaftaran pelajar hendaklah dijalankan dengan mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dan mengutamakan langkah keselamatan seperti mengisi borang pengisytiharan kesihatan, pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal, penggunaan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) dan penjagaan kesihatan diri yang rapi.

2.0 PELAJAR YANG DIBENARKAN MENDAFTAR DI KOLEJ KEDIAMAN

- 2.1 Pendaftaran untuk menginap di kolej kediaman bagi Semester Kedua Sesi 2021/2022 bermula pada **16 Mac 2022 (Rabu) hingga 18 Mac 2022 (Jumaat)**.
- 2.2 **Pelajar yang telah lengkap vaksinasi** perlu membuat ujian RTK-Ag (dengan perbelanjaan sendiri) semasa tiba di kolej kediaman, dan mengisytiharkan keputusan kepada pihak kolej kediaman semasa pengambilan kunci.
- 2.3 **Pelajar yang belum lengkap vaksinasi** termasuk pelajar yang belum menerima apa-apa suntikan COVID-19 hendaklah menjalani ujian pengesanan COVID-19 melalui kaedah RT-PCR dan berkeputusan negatif tiga (3) hari sebelum memasuki

kampus dengan perbelanjaan sendiri. Hanya saringan RT-PCR yang dilakukan di hospital atau klinik kerajaan termasuk Hospital Pengajar UPM diterima sebagai bukti dan pelajar mesti mengisytiharkan keputusan ini kepada pihak kolej kediaman semasa pengambilan kunci.

- 2.4 **Pelajar yang belum lengkap vaksinasi** juga perlu membuat ujian RTK-Ag dengan kekerapan sekali (1) dalam tempoh seminggu dan mengemaskini keputusan ujian tersebut (melalui alamat url: ertcovid19.upm.edu.my).
- 2.5 Pelajar yang berada dalam status ***Person Under Investigation (PUI)***, ***Person Under Surveillance (PUS)*** atau pelajar yang diarahkan oleh pihak berkuasa kesihatan untuk *self-quarantine* di rumah ataupun dari kawasan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan DiPerketatkan (PKPD) adalah sama sekali tidak dibenarkan memasuki kampus **sehingga tempoh kuarantin tamat**.
- 2.6 Semua **pelajar antarabangsa** yang lengkap divaksin dibenarkan masuk dengan tempoh kuarantin 7 hari (bagi pelajar yang lengkap vaksin) dan 5 hari (bagi pelajar yang lengkap vaksin dan dos penggalak) setibanya dari negara asal di pusat kuarantin yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **dengan tanggungan sendiri dan menunjukkan surat pengesahan melepasi kuarantin (daripada KKM)** semasa mendaftar di kolej kediaman.

3.0 TATACARA SARINGAN DAN PENILAIAN RISIKO JANGKITAN COVID-19

- 3.1 Sebelum memasuki kawasan kolej kediaman, pelajar **DIWAJIBKAN** membuat Penilaian Risiko Jangkitan COVID-19 UPM (melalui alamat url: ertcovid19.upm.edu.my) dan menunjukkan paparan keputusan saringan kepada pihak berkuasa keselamatan di pintu masuk ke kolej-kolej kediaman. Pengiring pula **DIWAJIBKAN** mengimbas QR Code yang disediakan dengan menggunakan aplikasi MySejahtera.
- 3.2 Sekiranya didapati demam atau bergejala, pelajar tersebut akan dirujuk ke Pusat Kesihatan Universiti (PKU) sebelum dibenarkan untuk memasuki premis kolej kediaman.

4.0 TATACARA PENGURUSAN KEHADIRAN PELAJAR DAN PENGURUSAN DIRI DI KOLEJ KEDIAMAN

- 4.1 Kehadiran pelajar dan pengiring ke dalam kampus akan dipantau dengan teliti oleh pihak berkuasa UPM. Untuk itu, Bahagian Keselamatan Universiti bertanggungjawab untuk memastikan hanya pelajar yang **berisiko rendah** dibenarkan masuk ke kolej kediaman.
- 4.2 Kemasukan ke kolej kediaman hanya dihadkan melalui **pintu masuk terkawal yang telah ditetapkan sahaja** bagi memudahkan pemantauan dilakukan.
- 4.3 Kenderaan pelajar dan pelawat dinasihatkan diletakkan di kawasan yang dibenarkan sahaja untuk mengelakkan kesesakan dan menghalang lalu lintas.
- 4.4 Pelajar **DIWAJIBKAN** mendaftar di Pejabat Am kolej masing-masing dan mendaftar dengan menggunakan aplikasi MySejahtera sebelum memasuki blok kediaman. Pendaftaran bermula pada 16 Mac 2022 (Rabu) hingga 18 Mac 2022 (Jumaat), jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.
- 4.5 Pelajar tidak dibenarkan membawa ahli keluarga ke blok kediaman bagi mengelakkan kesesakan (*crowded*) dan menyukarkan penjarakan fizikal.
- 4.6 Pelajar yang berurusan dengan petugas kolej ketika pendaftaran perlu mengambil langkah-langkah seperti mengukur suhu badan (jika pelajar merasakan perlu), penjarakan fizikal (jarak 1 meter), sentiasa memakai pelitup muka (face mask) dan mengamalkan kebersihan diri.
- 4.7 Pelajar yang dibenarkan hadir akan ditempatkan di blok kediaman yang telah ditetapkan bagi memudahkan pemantauan oleh pihak pengurusan kolej.
- 4.8 Kafeteria dan Galeri Keusahawanan Pelajar dalam kampus akan dibuka dari pukul 6.00 pagi hingga 11.00 malam untuk kemudahan pelajar membeli makanan dan barangan keperluan lain.
- 4.9 Pelajar perlu menjaga kesihatan diri masing-masing sepanjang berada di kolej kediaman. **Pelajar yang demam atau bergejala, perlu melaporkan kepada pihak pengurusan kolej atau Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dengan**

kadar segera. Penempatan pelajar yang sakit di bilik pengasingan yang disediakan di kolej masing masing akan bergantung kepada nasihat dan saranan pihak PKU seterusnya.

- 4.10 UPM juga menyediakan **Bilik Operasi COVID-19 Pelajar** di Bilik Tun Fatimah, Kolej Pendeta Za'ba bagi menyelaras urusan berkaitan keselamatan, kebajikan dan kesihatan pelajar semasa di kampus yang beroperasi 24 jam dan boleh dihubungi melalui talian 03 – 97698056.
- 4.11 Selain itu, Pihak kolej kediaman di UPM telah mengambil inisiatif mewujudkan nombor hotline di kolej masing-masing sekiranya pelajar memerlukan bantuan ketika berada di kolej. Nombor tersebut adalah seperti berikut:

Nombor Hotline Kolej Kediaman UPM:
Kolej Canselor: 03-97697507
Kolej Tun Dr Ismail: 03-97697420
Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah: 03-97697384
Kolej Pendeta Za'ba:03-97691304
Kolej Sepuluh: 012-2104340 / 012-2978342
Kolej Duabelas: 014-5126231
Kolej Tiga Belas: 016-201 6533
Kolej Empat Belas: 011-51754701 / 016-3138566
Kolej Tujuh Belas: 03-97692159
Kolej Sri Rajang: 019-3695095
Pelajar Luar Kampus:03-97691316

5.0 PERKARA-PERKARA LAIN

- 5.1 Pelajar yang hadir ke kolej kediaman adalah tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

- 5.2 Pelajar diminta sentiasa memakai pelitup muka (*face mask*), menggunakan *hand sanitizer* dan sentiasa mengamalkan aspek kebersihan diri sentiasa seperti kerap mencuci tangan dan mandi serta menjaga penjarakan fizikal sepanjang berada dalam kawasan kolej.
- 5.3 Pelajar yang telah mendaftar dan ingin keluar dari kawasan kolej melibatkan jangka masa yang lama (seperti balik kampung dan lain-lain), perlu memaklumkan kepada pihak kolej untuk tujuan perekodan.
- 5.4 Pelajar yang gagal mematuhi arahan seperti dinyatakan di atas dikira melanggar SOP yang ditetapkan dan akan dikenakan tindakan **TATATERTIB** termasuk akan ditarik balik kebenaran menginap dengan serta-merta dan akan diminta pulang ke rumah masing-masing.

Saya merakamkan peringatan kepada semua pelajar supaya mematuhi tatacara yang telah ditetapkan ini termasuk mematuhi arahan petugas dari masa ke masa dalam usaha kita terus berjuang mengawal penularan pandemik COVID-19.

#UPMPrihatin
#kitajagakita

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERILMU BERBAKTI"

Sekian, terima kasih.


PROF. DR. ARIFIN ABDU

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

4 Mac 2022



**CARTA ALIR PROSES KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
16-18 MAC 2022**



Mengikuti ujian RTK-AG (post-tes) dengan teliti.
Membawa keputusan ujian dalam aplikasi MySipHema.
Mengikuti arahan keselamatan ujian kesihatan yang telah ditetapkan (kurang).

Mengikuti ujian RT-PCR di hospital/ klinik kesihatan (berdasarkan senarai & berkeputusan negatif) **sebelum kembali ke kampus.**
Membawa keputusan ujian dalam aplikasi MySipHema.
Mengikuti arahan keselamatan ujian kesihatan yang telah ditetapkan (kurang).

HOTLINE Bilik Operasi COVID-19 Pelajar UPM
03 9789 8056

PELAJAR TIDAK LENGKAP VAKSINASI
dibaharukan mematuhi ujian RTK-AG dengan ketepatan sebelum ke kolej, sebagai langkah mengawal penyebaran ujian. Maklumat: <https://web.covid19.upm.edu.my/>

BARAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
STUDENT AFFAIRS DIVISION
بهائين حل احوال فلاجر

facebook.com/bhepupm @bhepupmofficial instagram.com/bhepupm youtube.com/bheptvupm

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
BETAKUTLAH KE SUKSES

www.hep.upm.edu.my

